



# MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

## NOTIS SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti yang berikut:

| NO SEBUT HARGA<br>TAJUK<br>FAIL RUJUKAN                                                                                                                                                                                                                                                                  | KELAYAKAN<br>KONTRAKTOR/<br>SYARIKAT     | TARIKH/HARGA/TEMPAT<br>DOKUMEN<br>DIJUAL                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | TARIKH & MASA<br>SEBUT HARGA<br>DITUTUP                                 |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------|
| <u>NO SEBUT HARGA</u><br>S0280/25<br><u>FAIL RUJUKAN</u><br>MBS.JKP.400-5/6/178<br><u>TAJUK</u><br>MEMBEKALKAN MAKANAN, MINUMAN<br>DAN LAIN-LAIN PERALATAN MAJLIS<br>MAKAN MALAM SEMPENA ULANG<br>TAHUN KE 5 MAJLIS BANDARAYA<br>SEREMBAN.<br><br><b>Sebut Harga Yang Lewat Tidak<br/>akan Diterima.</b> | (TERBUKA)<br><br>040103<br>dan<br>040102 | <u>DARI TARIKH</u><br>25 Jul 2025 (Jumaat)<br><u>HINGGA</u><br>04 Ogos 2025 (Isnin)<br><u>HARGA DOKUMEN</u><br>RM 50.00<br><u>TEMPAT</u><br>JABATAN KEWANGAN WISMA<br>MBS, PERSIARAN FOREST<br>HEIGHTS 1 JALAN SEREMBAN-<br>TAMPIN 70450 SEREMBAN<br><u>WAKTU URUSAN</u><br>Isnin - Khamis<br>08:30 pagi - 12:30 tengahari<br>02:00 petang- 04:00 petang<br>Jumaat<br>08:00 pagi - 12:00 tengahari | <u>TARIKH</u><br>04 Ogos 2025 (Isnin)<br><u>MASA</u><br>12:00 TENGAHARI |

2. Sekiranya penyebut harga tidak berdaftar dengan Majlis Bandaraya Seremban dikehendaki berdaftar terlebih dahulu dengan kadar yang ditetapkan. Pembayaran bagi pembelian dokumen hendaklah dibuat dalam bentuk Tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan. Dokumen Sebut Harga hanya dijual kepada syarikat atau wakilnya yang sah sahaja yang menunjukkan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia Asal berserta satu salinan sijil tersebut dan Surat Wakil (bagi bukan pemegang asal sijil).
3. Sila lampirkan Penyata Ezp (Penyata Taksiran Zakat Perniagaan) dan salinan resit bayaran zakat perniagaan (jika dikenakan zakat perniagaan sahaja) yang telah disahkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Bagi sebarang pertanyaan berkenaan Penyata Ezp sila hubungi talian Zakat Perniagaan nombor telefon: 06-765 1402/ 06-785 1405 ext: Unit Zakat Perniagaan atau E-mel Penyata Kewangan Syarikat ke: zakatperniagaan@mains.gov.my
4. Semua dokumen Sebut Harga mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dan ditulis tajuk dan nombor Sebut Harga berkenaan di penjuru kiri dan dialamatkan kepada Datuk Bandar, WISMA MBS, PERSIARAN FOREST HEIGHTS 1, JALAN SEREMBAN-TAMPIN, 70450 SEREMBAN dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Wisma MBS.
5. Majlis Bandaraya Seremban tidak terikat untuk menerima dokumen Sebut Harga yang terendah atau sebarang dokumen Sebut Harga. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen Sebut Harga yang tidak terdapat di dalam Peti Sebut Harga setelah Peti Sebut Harga dibuka.
6. Majlis Bandaraya Seremban berhak untuk membatalkan Sebut Harga syarikat yang terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses Sebut Harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani.
7. Tidak mempunyai sebarang tunggakan (Cukai Taksiran/ Kompaun/ Sewaan/ Semak Samun/ pelbagai tunggakan lain) dengan MBS. Sekiranya tunggakan ini dijelaskan sebelum atau dalam tempoh penjualan dokumen tender, kontraktor/ pembekal layak untuk menyertai Sebut Harga ini.
8. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan.

>> NOTIS SEBUT HARGAJUGA BOLEH DILAYARI DI LAMAN WEB:

[www.mbs.gov.my](http://www.mbs.gov.my)